

Segera bantu pesawah

SAUDARA PENGARANG,

PERSATUAN Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa Jabatan Pertanian dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri Kedah menyiasat dan mengambil tindakan segera bagi mengatasi masalah bekalan air yang dihadapi oleh petani-petani yang menyertai projek Mini Estet di Kampung Baru, Padang Sanai daerah Padang Terap.

Sebilangan pesawah telah mengalami kerugian beribu ringgit pada musim menuai baru-baru ini kerana kemerosotan hasil padi.

Selain pendapatan terjejas teruk, ada kalangan pesawah di kawasan itu terpaksa meninggalkan tanah sawah mereka kerana tidak mampu menangani masalah tersebut.

Di samping bekalan air yang tidak mencukupi, pesawah juga menghadapi masalah sistem saliran tidak sempurna dan ancaman rumput sambau yang serius.

Mengulas laporan sebuah akhbar tempatan mengenai perkara ini pada 28 September lalu, CAP kesal serta bimbang dengan keadaan tersebut dan berharap JPS Kedah mengambil tindakan sewajarnya bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi pesawah di kampung berkenaan.

CAP berpendapat kejadian ini tidak sepatutnya berlaku

dan pihak berkenaan perlu menyediakan kemudahan asas yang lengkap kerana tanah sawah yang terlibat adalah sebahagian daripada kawasan projek Mini Estet.

CAP percaya jika punca masalah ini tidak ditangani segera, bukan sahaja peserta projek Mini Estet di kampung tersebut sahaja akan mengalami kerugian besar malahan tanah sawah dan pengeluaran padi di negeri jelapang padi ini juga akan terjejas serta berkurangan pada masa akan datang.

Tinjauan CAP mendapati pelbagai masalah berlaku di kawasan sawah di Kedah termasuk di bawah pentadbiran Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) sehingga menjejaskan hasil padi dan sumber pendapatan pesawah.

Selain bekalan air yang tidak mencukupi dan keadaan sistem saliran yang tidak sempurna, pesawah di negeri itu juga sering menghadapi masalah tanah jerlus dan ancaman makhluk perosak yang semakin serius.

Walaupun masalah-masalah ini sudah lama berlaku tetapi nampaknya masih gagal ditangani dengan berkesan oleh pihak berwajib.

S.M. MOHAMED IDRIS

Presiden Persatuan Pengguna
Pulau Pinang